



فجایة فریندهارأن نگري ترغکانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,

20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)

E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5426



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR 5426

PERB.TR.U/21/02/3/01 (7)

Bertarikh : 8 April 2015

Bersamaan : 18 J'Akhir 1436

Semua Ketua Jabatan
Semua Pusat Tanggungjawab
Negeri Terengganu.

Tuan

**PENGELUARAN CERTIFICATE OF GOODS AND SERVICES TAX
RELIEF (COGSTR)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 telah berkuatkuasa mulai 1 April 2015 dan Kerajaan Negeri diberi pelepasan daripada membayar Goods And Services Tax (GST) ke atas perolehan bekalan (barang) kecuali bagi kereta import dan petroleum.
3. Bersama-sama ini dikemukakan surat daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) rujukan ANM/SPP/P/3/10 Jld.4 (5) berkenaan Pengeluaran Certificate Of Goods And Services Tax (COGSTR) untuk rujukan dan tindakan Tuan selanjutnya.
4. Dimaklumkan bahawa Pekeliling Perbendaharaan berkaitan GST ini telah dikemaskini dan boleh dilihat di laman web Perbendaharaan Malaysia. Bersama-sama ini turut dilampirkan pekeliling tersebut untuk rujukan dan juga COGSTR dalam Microsoft Word.
5. Sukacita diingatkan bahawa Borang Penurunan Kuasa bagi pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani COGSTR iaitu kew GST 1 hendaklah diisi dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sebelum COGSTR tersebut ditandatangani.

6. Segala kerjasama dan perhatian Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“ TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU ”

‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ’

Saya yang menurut perintah,


(MOHD SHUKRI BIN AZAM)

Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

- Untuk makluman YB Dato'



Rujukan kami : ANM/SPP/P/3/10 Jld.4 (5)
Tarikh : 31 Mac 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.B.M.Tunku/ YH. Dato'/ Tuan/ Puan,

PENGELUARAN CERTIFICATE OF GOODS AND SERVICES TAX RELIEF (COGSTR)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan ANM/SPP/P/3/10 Jld.4 (2) bertarikh 12 Mac 2015 adalah berkaitan.

2. Sepertimana Y.B.M Tunku/ YH. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 akan berkuatkuasa mulai 1 April 2015 dan Kerajaan Negeri diberi pelepasan daripada membayar Goods and Services Tax (GST) ke atas perolehan bekalan (barang) kecuali bagi kereta import dan petroleum.

3. Sehubungan dengan itu, *Certificate of GST Relief (CoGSTR)* perlu dikeluarkan kepada pembekal bagi perolehan yang diberikan pelepasan tersebut. Walaubagaimanapun, **pelepasan tersebut hanya terpakai untuk perolehan barang yang menggunakan vot Kerajaan Negeri atau perolehan yang menggunakan akaun amanah/ tabung yang mana sumber peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri.** [Rujuk para 3 Jadual Pertama Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014, “*that their cost is charged to a departmental vote appearing in the Federal or State Estimates and are not purchased out of any other fund*”]. Manakala perolehan yang menggunakan **akaun amanah/ tabung yang mana sumber peruntukan selain daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri** (seperti sumbangan/ derma/ kutipan/ hasil jualan) tidak mendapat pelepasan kenaan GST.

4. Dimaklumkan juga, Bahagian Khidmat Perunding (BKP) Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam pelaksanaan menambahbaik sistem SPEKS bagi membolehkan CoGSTR dapat dikeluarkan terus dari sistem dan dijangka penambahbaikan ini dapat diselesaikan pada pertengahan bulan April 2015. Sehubungan itu, CoGSTR perlu dikeluarkan secara manual oleh jabatan terlebih dahulu kepada pembekal bagi perolehan bekalan (barang) yang diberikan pelepasan kenaan GST sehingga penambahbaikan tersebut selesai.

5. Segala kerjasama dan perhatian Y.B.M. Tunku/ YH. Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Encik Mohd Asri bin Mat Nun dan Encik Mohammed Faizal bin Md Raji di talian 03-88869544/9540.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi dan Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan"

Saya yang menurut perintah,



(TARMIZL BIN TAMBY CHIK)
Bentangan Khidmat Perunding (BKP)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
b.p Akauntan Negara Malaysia

s.k. Timbalan Pengarah BKP

SENARAI EDARAN

1. Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Johor
Aras Bawah, Parcel C3S,
Pusat Pentadbiran Kota Iskandar,
79000 Nusajaya,
Johor Darul Takzim.
(u.p: Y.B.M. Tunku Zahrah Binti Tunku Osman) No.Tel : 07-2666743
No.Faks : 07-2661502

2. Akauntan Negeri
Pejabat Kewangan & Perbendaharaan Negeri Pahang
Tingkat 5, Wisma Sri Pahang,
25990 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
(u.p: YH. Dato' Pukhari Bin Samsuri) No.Tel : 09-5126800
No.Faks : 09-5165462

3. Bendahari Negeri
Pejabat Akauntan Negeri Terengganu
Tingkat 3, Wisma Darul Iman,
20595 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.
(u.p: En. Mohd Shukri Bin Azam) No.Tel : 09-6231957
No.Faks : 09-6267948

4. Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman
Aras 3, Blok E,
Wisma Darul Aman,
05503 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.
(u.p: Pn. Nazhatun Binti Md Rejab) No.Tel : 04-7744601
No.Faks : 04-7338717

5. Bendahari Negeri
Pejabat Perbendaharaan Negeri Perak Darul Ridzuan
Aras 1, Kompleks Dewan Undangan Negeri,
Jalan Istana,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Pn. Fuziah bt. Derasa) No.Tel : 05-2531957
No.Faks : 05-2416646

6. Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 2, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah,
40592 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: En. Azal Bin Adzhar) **No.Tel : 03-55447226**
No.Faks: 03-55121054
7. Bendahari Negeri
Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 23, Kompleks Tun Abdul Razak,
(KOMTAR), Peti Surat 3007,
10000 Pulau Pinang.
(u.p: Cik Kalthom Binti Salim) **No.Tel : 04-6505185**
No.Faks: 04-2635132
8. Bendahari Negeri
Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka
Aras 1, Blok B, Seri Negeri Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh
Melaka Bandaraya Bersejarah.
(u.p: En. Jafril Bin Junit) **No.Tel : 06-2307794**
No.Faks : 06-2328580
9. Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Sembilan
Tingkat 3, Blok C, Wisma Negeri,
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
(u.p: Cik Qamarul Munirah Mohammed Yunus) **No.Tel : 06-7659740**
No.Faks : 06-7672443
10. Bendahari Negeri
Perbendaharaan Negeri Kelantan
Tingkat 1, Blok 4, Kota Darul Naim,
15503 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.
(u.p: En. Ab Ghafar bin Sulaiman) **No.Tel : 09-7481957**
No.Faks : 09-7482484
11. Bendahari Negeri
Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Blok B,
Bangunan Dato' Mahmud Mat,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan.
(u.p: Pn. Rohani Binti Che Mie) **No.Tel : 04-9702285**
No Faks : 04-9763114

(xiv) Dasar Kenaan GST Dalam Perolehan Kerajaan**(a) Pendahuluan**

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] berkuat kuasa mulai 1 April 2015. Sehubungan itu, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas kontrak perolehan Kerajaan adalah seperti berikut:

(b) Syarat Mewajibkan Syarikat/Firma Yang Berurusan Dengan Perolehan Kerajaan Untuk Mengisyiharkan Nombor Pendaftaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

- (1) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah memaklumkan kepada syarikat/firma yang hendak melaksanakan perolehan Kerajaan supaya mengisyiharkan status pendaftaran GST.
- (2) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah memastikan syarikat/firma yang telah berdaftar GST mengemukakan nombor pendaftaran GST sebelum menyertai perolehan Kerajaan.
- (3) Bagi syarikat/firma yang mengisyiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat/firma yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Agensi berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat/firma tersebut di bawah Akta GST.
- (4) Setelah memaklumkan perubahan status pendaftaran GST tersebut, syarikat/firma boleh memohon pelarasan harga kontrak dan menuntut sebarang kenaan GST daripada Agensi mulai tarikh syarikat/firma berdaftar GST dengan syarat kontrak semasa masih berkuat kuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.
- (5) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah pada sepanjang masa menyemak kesahihan status pendaftaran GST syarikat/firma pembekal berkaitan di laman sesawang rasmi JKDM: gst.customs.gov.my.

(c) Syarat Mewajibkan Syarikat/Firma Yang Berurus Dengan Perolehan Kerajaan Untuk Berdaftar GST

- (1) Mana-mana syarikat/firma yang ditawarkan perolehan yang bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar GST dengan JKDM (sekiranya pembekal tersebut belum berdaftar GST).
- (2) Mana-mana syarikat/firma bekalan/perkhidmatan yang telah berdaftar GST dengan JKDM hendaklah eP enabled dan menggunakan Sistem ePerolehan (eP).

(d) Penentuan Kaedah Perolehan & Kaedah Penyediaan Anggaran Jabatan

- (1) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengambil kira kenaan GST dalam perancangan perolehan dan penyediaan peruntukan. Namun, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah menggunakan anggaran jabatan tanpa kenaan GST untuk menentukan kaedah perolehan.

(e) Tawaran Harga Syarikat/Firma

- (1) Hanya syarikat/firma yang berdaftar GST sahaja boleh mengenakan GST ke atas produk/perkhidmatan/kerja yang ditawarkan dalam perolehan Kerajaan.
 - (2) Perolehan bekalan Kerajaan adalah diberi pelepasan daripada kenaan GST kecuali bagi kereta import dan petroleum (RON 97).
 - (3) Perolehan perkhidmatan dan kerja oleh Kerajaan adalah dikenakan GST.
 - (4) Semua tawaran harga (pembelian terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat/firma hendaklah dikemukakan tanpa kenaan GST. Sekiranya syarikat/firma yang berjaya adalah berdaftar GST dengan JKDM, Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan GST.
- (f)** Mana-mana syarikat/firma yang belum berdaftar GST tetapi akan menjadi wajib berdaftar GST setelah ditawarkan kontrak Kerajaan, surat setuju terima hendaklah dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan tawaran harga termasuk kenaan GST. Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu memastikan syarikat/firma mengemukakan nombor pendaftaran GST.

(g) Kaedah Penilaian Perolehan Secara Lantikan Terus / Pembelian Terus / Sebut Harga / Tender

- (1) Penilaian harga bagi lantikan terus, pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah dibuat oleh pihak Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri Kerajaan berdasarkan harga tawaran tanpa GST.
- (2) Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan tawaran harga yang terendah yang boleh diterima (*lowest acceptable offer*) dan menguntungkan pihak Kerajaan (*best value for money*).

(h) Perolehan Bekalan / Perkhidmatan / Kerja Yang Dikenakan GST Dalam Perolehan Kerajaan

- (1) Semua perolehan kerja/ perkhidmatan bukan perunding/ perkhidmatan perunding akan dikenakan GST oleh syarikat/firma yang berdaftar GST.
- (2) Bagi bekalan, hanya pembekalan kereta yang diimport dan petroleum (RON 97) sahaja dikenakan GST. Perolehan pembekalan barang lain adalah diberi pelepasan ke atas kenaan GST. Pelepasan daripada kenaan GST hendaklah dibuat dengan pengeluaran *Certificate of GST Relief* (CoGSTR) seperti di [Lampiran 1.9](#).

(i) Tanggungjawab Untuk Menandatangani *Certificate of GST Relief* (CoGSTR) Ke Atas Perolehan Yang Mendapat Pelepasan GST

- (1) CoGSTR hendaklah ditandatangani ke atas setiap perolehan yang mendapat pelepasan GST seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 bagi membolehkan GST dikecualikan ke atas perolehan tersebut.
- (2) CoGSTR hendaklah diluluskan/ditandatangani oleh:
 - (i) Pegawai Pengawal; atau
 - (ii) Pegawai yang diturun kuasa oleh Pegawai Pengawal sebagai pelulus Pesanan Tempatan/Inden; atau
 - (iii) Pegawai yang diturun kuasa untuk menandatangani Surat Setuju Terima (SST).
- (3) Format Borang Penurunan Kuasa CoGSTR adalah seperti di [Lampiran 1.10](#).

(j) Pembekalan / Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri

- (1) Sebarang pembekalan barang / perkhidmatan yang diberikan oleh Agensi Kerajaan kepada pihak lain sama ada awam, swasta atau Agensi Kerajaan yang lain tidak dikenakan GST di bawah Seksyen 64 (1) Akta GST 2014 melainkan apa-apa pelepasan yang dinyatakan dalam Perintah Kastam dan Arahan Ketua Pengarah Kastam (boleh dicapai melalui gst.customs.gov.my)
- (2) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah sentiasa merujuk kepada gst.customs.gov.my.

(k) Kenaan GST Ke Atas Pembekalan Dalam *Designated Areas* (DA)

- (1) Perolehan bekalan/perkhidmatan/kerja yang melibatkan *Designated Area* (DA) di Langkawi, Labuan dan Tioman tidak dikenakan GST. Ini merangkumi perolehan yang dibuat dalam kawasan DA (Cth: Langkawi – Langkawi) atau di antara kawasan DA (Cth: Langkawi – Tioman) melainkan apa-apa pelepasan yang dinyatakan dalam Perintah Kastam dan Arahan Ketua Pengarah Kastam (boleh dicapai melalui gst.customs.gov.my)

(l) Pengeluaran Tax Invoice

- (1) Tax Invoice adalah dokumen yang akan membolehkan syarikat/firma yang berdaftar GST membuat tuntutan GST.
- (2) Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah memastikan mana-mana syarikat/firma berdaftar GST mengeluarkan Tax Invoice yang mengandungi kenaan GST bagi perolehan (bekalan/perkhidmatan/kerja) yang dibekalkan.
- (3) Syarikat/firma tidak berdaftar GST perlu keluarkan invois biasa sahaja (tanpa kenaan GST).

(m) Kontrak perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa di mana Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani dan tempoh kontrak melangkaui 1 April 2015

- (1) Kontrak perkhidmatan bukan perunding sedia ada yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan diberi pelepasan GST sehingga 31 Mac 2017 atau tarikh tamat kontrak, mana yang terdahulu.

(2) Kontrak perunding dan perkhidmatan bukan perunding sedia ada yang telah dikenakan Cukai Perkhidmatan akan diganti dengan GST tertakluk kepada syarat berdaftar GST dengan JKDM.

(3) Kontrak kerja sedia ada diberi pelepasan daripada membayar GST sehingga kontrak tamat.

(4) Kontrak kerja semasa yang sedang berkuat kuasa pada atau selepas 1 April 2015 yang melibatkan pelanjutan masa (Extension of Time – EOT) diberi pelepasan daripada membayar GST sehingga kontrak tersebut tamat.

7. Pendaftaran Kontraktor/Pembekal/Syarikat/ Firma Perunding

Semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan dengan kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan seperti berikut:

(i) Pendaftaran Kontraktor Kerja

- (a) Semua pendaftaran kontraktor kerja awam dan kerja elektrik dikendalikan oleh CIDB mengikut jenis kerja yang mereka berkelayakan mengikut gred-gred berkaitan. Semua kontraktor kerja bagi perolehan Kerajaan untuk kategori Bangunan (B), Kerja Awam (CE) serta Mekanikal (M) dan Elektrik (E) hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan) mengikut gred dan had nilai perolehan kerja yang ditetapkan seperti berikut:

KONTRAKTOR KERJA KATEGORI BANGUNAN/AWAM/MEKANIKAL

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	RM200,000 dan ke bawah
G2	Melebihi RM200,000 hingga RM500,000
G3	Melebihi RM500,000 hingga RM1,000,000
G4	Melebihi RM1,000,000 hingga RM3,000,000
G5	Melebihi RM3,000,000 hingga RM5,000,000
G6	Melebihi RM5,000,000 hingga RM10,000,000
G7	Melebihi RM10,000,000

KONTRAKTOR KERJA KATEGORI ELEKTRIK

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	Sehingga RM200,000
G2	Sehingga RM500,000

No. Sijil Pelepasan (CoGSTR) No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	T Jab PTJ 00001
---	-----------------

SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah
I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada / acquired from : **ABC Sdn. Bhd.**

ABC Sdn. Bhd. , No1, Jalan Bahagia, 50800 Kuala Lumpur

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

*dibekalkan kepada / supplied to : **Pejabat Kesihatan Sabak Bernam**

Pejabat Kesihatan Sabak Bernam, Kompleks Pejabat Kerajaan, Sungai Besar,

45300 Sungai Besar

(Nama dan alamat Agensi/Kerajaan Persekutuan yang menerima pembekalan)

(Name and address of the recipient)

dan pelepasan daripada pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran 3, Jadual Pertama seperti dalam **Lampiran.**

*and relief from payment of goods and services tax claimed under Item 3, First Schedule as per **Appendix.***

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan

Signature

Nama

Adill Bin Abdullah

Name

No Kad Pengenalan

850706-06-5575

Identity Card No.

Pangkat

Pelulus

Rank

Tarikh

5 Februari 2015

Date

Dokumen ini dicetak dari komputer dan telah ditandatangani secara digital. Tandatangan secara manual tidak diperlukan.

No. Sijil Pelepasan (CoGSTR) No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	T Jab PTJ 00001
---	-----------------

This document is computer printed and digitally signed. No signature is required.

Nota:

Note:

- (i) Bagi barang import, sijil ini hendaklah disertakan bersama Borang Kastam No. 1/ Borang Kastam No. 9.
For imported goods, this certificate shall be accompanied with the Customs Form No. 1/ Customs Form No.9.

- (ii) Bagi barang yang diperoleh dalam Negara, orang yang menuntut pelepasan hendaklah megesahkan pembelian dengan menandatangani pengisyiharan atas invois pembelian.
For locally acquired goods, the person who claims the relief shall certify the purchase by signing the declaration on the purchase invoice.

No. Sijil Pelepasan (CoGSTR) No. Pesanan Kerajaan/ No. Rujukan Surat Setuju Terima/ No. Kontrak	T Jab PTJ 00001
---	-----------------

Perolehan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia
Procurement made by the Federal Government of Malaysia

Lampiran ini hendaklah disertakan dengan Sijil Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (**CBP**) dan dilengkapkan oleh Ketua Jabatan atau Pegawai yang diberi kuasa.

*The attachment must be accompanied with Goods and Services Tax (**GST**) Relief Certificate and to be completed by the relevant Head of Department or authorised officer.*

Perihal perolehan barang yang dilepaskan daripada pembayaran CBP:

Description of goods acquired which will be relieved from the payment of GST:

BIL. (NO.)	NAMA PRODUK (NAME OF PRODUCTS)
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	
10.	
11.	
12.	
13.	
14.	
15.	

Saya dengan ini mengaku bahawa barang tersebut hanya untuk kegunaan Jabatan berkenaan dan tidak dijual mahupun dilupuskan kecuali dibenarkan oleh Ketua Jabatan berkenaan. Kos perolehan berkenaan dicaj ke dalam vot Jabatan menggunakan Anggaran Peruntukan Persekutuan dan tidak diperolehi menggunakan peruntukan lain.

I declare that the goods are to be used solely by the department concerned and are not sold or otherwise disposed of except as sanctioned by the head of department concerned. The cost is charged to the departmental vote appearing in the Federal Budgets and are not purchased out of any other funds.

Ditandatangani Bertarikh

(Ketua Jabatan / Pegawai yang diberi kuasa)

Signed

Dated

(Head of Department / Authorised Officer)

Makluman kepada Pembekal / Note to Suppliers

Pembekal bertanggungjawab untuk memastikan barang yang dibekalkan adalah layak untuk diberikan pelepasan. Sijil Pelepasan dikeluarkan oleh Jabatan berkenaan sebelum pengeluaran inbois cukai dan disimpan serta dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai Kastam apabila diperlukan.

It is your responsibility to ensure that the goods supplied are eligible to be given a relief and the Relief Certificate must be issued by the department concerned prior to the issuance of the tax invoice. You should retain and furnish this declaration for the purposes of inspection by the Customs officer when requested.

KEW GST 1



**PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MENANDATANGANI SIJIL DI
BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**

Nama Jab. / PTJ :

Kod Jab. / PTJ :

Tarikh Kuatkuasa :

Diluluskan oleh :

(Tandatangan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan)

Nama & Cop Rasmi Jabatan

Nota : Sekiranya berlaku pertukaran Pegawai, senarai penandatangan sijil ini hendaklah dibatalkan dan perlu digantikan dengan senarai penandatangan sijil yang baharu.

* Contoh Had Kuasa = <RM20,000; atau <RM50,000; atau <RM100,000; atau lain-lain amanah yang diluluskan.

No. kelulusan Perbendaharaan: KK/BSKK/10/600-2/1/2 (12)